To make your gift, simply follow these secure giving options: Insert specific giving methods and details [here](https://shorturl.at/8HFTE) or click this link <https://shorturl.at/8HFTE> or scan this DuitNow QR code.



BACKGROUND & INFORMATION

This prayer guide was birthed as a companion when the pandemic restrictions began on March 18, 2020. Today, this prayer guide has served individuals, families and churches to encourage and to help to persevere in prayer for the kingdom of God to come and for God's will to be done in these unprecedented times. Since 2022, we have embarked on this new format which we hope will be helpful as an added resource for churches to use in their onsite prayer meetings and services.

An Adaptable Prayer Guide

© **2024 24-7 Prayer Asia** You're welcome to adapt these prayer resources, but please don't copy the entire content verbatim and publish it. Contact admin@24-7prayerasia.com with questions about usage.

To Subscribe or Contact Us

If you would like to subscribe to the weekly prayer guide or if you have any answered prayers to share, please contact admin@24-7prayerasia.com

CONTACT US



MINGGU 35 2025 ● Ogos 31-Sept 6
ISU 284

NAMA-NYA BESAR DI ANTARA BANGSA- BANGSA

MINGGU DOA SEDUNIA -
PERSEMBAHAN DUPA DARI
SEMUA BANGSA

 **24-7 PRAYER ASIA**



Untuk Edaran Persendirian Sahaja

P-R-A-Y



Berhenti sejenak dan berdiam



Bersukacita, memuji dengan Mazmur dan merenung atas Firman Tuhan



Minta dalam doa syafaat agar Allah campur tangan, dan



Serahkan kepada kehendak-Nya dalam hidupmu

JEDA & BERHENTI SEKETIKA

*“Diamlah, dan ketahuilah Aku Allah;
Aku akan dimuliakan dalam
kalangan bangsa-bangsa,
Aku akan dimuliakan di bumi ini.”*

Mazmur 46:10 AVB

RENUNGAN: FIRMAN TUHAN

11 Sungguh, dari terbitnya matahari sampai terbenamnya, nama-Ku besar di antara bangsa-bangsa. Di setiap tempat dipersembahkan dupa bagi nama-Ku dan juga persembahan yang tahir, kerana nama-Ku besar di antara bangsa-bangsa," demikianlah firman TUHAN alam semesta.

Maleakhi 1:11 AVB

BERSUKACITA: Lagu Pujian **BESAR ALLAHKU**

Kemegahan Raja
Dalam kemuliaan
Bumipun bersuka
Bumipun bersuka

Dia datang dalam terang
Kegelapanpun sirna
Umat Nya bersujud
Mendengar suara Nya

Besar Allahku
Nyanyikan besar Allahku
Selamanya besar
Dan ajaib Allahku

Layak disembah
Kau Raja segala Raja
Hatiku bernyanyi
Kau besar



[Pautan YouTube](#)

BERMINTA

FOKUS BULANAN

September 2025
Dari Malaysia ke Semua Bangsa
Negeri Kedah

"...terserlamlah kamu seperti bintang dalam dunia, berpegang teguh pada firman yang memberikan kehidupan." - Filipi 2:16 AVB

Walaupun keadaan mungkin kelihatan semakin rumit, kita harus ingat bahawa bintang-bintang tidak takut akan kegelapan - tetapi menerangi kegelapan. Melalui doa syafaat secara bersatu yang berterusan, kita mengambil bahagian di dalam kehendak Allah untuk memerangi kegelapan dan menubuhkan kerajaan-Nya.



1. TAHUN MEMBANGKITKAN DOA

Sememangnya bumi akan dipenuhi dengan pengetahuan tentang kemuliaan TUHAN seperti air meliputi lautan. - Habakuk 2:14 AVB

Sewaktu doa syafaat selari dengan kehendak ilahi, ini akan mencetuskan pergerakan injili yang mengubah bangsa-bangsa. Doa-doa berterusan kita menjadi pemangkin untuk khabar penyelamatan Allah yang tidak dapat dihentikan. Sertai kita untuk doakan perkara-perkara berikut:

- Tahun Doa Malaysia dan Asia 2025 serta 24-7 Minggu Doa Sedunia (September 1-7, 2025), yang menandakan doa berterusan merentasi rantau.
- Kerjasama yang berhasil dengan gereja-gereja, jaringan doa, dan organisasi Kristian serta kelompok kecil di setiap negeri dan bandar di seluruh Malaysia.
- Latihan dan kursus untuk memperlengkapi para pengikut Kristus sebagai murid yang tekun berdoa.
- Bilik-bilik doa - "tempat nipis" sepertimana orang Celtic menamakannya sedemikian pada zaman silam - di mana setiap tempat nipis bertempat di kawasan penting dan terang syurga menembusi bayang-bayang di bumi, menjadi satu tanda peringatan akan panggilan kita untuk mencerminkan terang-Nya ke dunia.
- Para pendoa syafaat yang setia, yang terus berdoa seperti para Moravia tanpa henti selama 100 tahun dan menandakan permulaan pergerakan misi yang luarbiasa, akan terus berdoa untuk kebangunan rohani, dan memastikan nama Allah akan dimuliakan di kalangan semua bangsa.

2. FOKUS NEGERI: KEDAH

"Kamu ialah cahaya dunia ini. Kota di atas bukit tidak mungkin tersembunyi. Tiada siapa memasang pelita lalu menyorokkannya di bawah pasu; tentu dia meletakkannya di atas kaki pelita untuk menerangi seisi rumah. Biarlah cahayamu juga bersinar di hadapan orang ramai, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik lalu memuji Bapamu yang di syurga." — Matius 5:14-16 AVB

- **Warisan Purba yang Ditebus** - Berdoalah agar identiti Kedah sebagai tempat lahirnya tamadun Melayu ditebus dan diubah oleh Injil, sehingga tapak-tapak bersejarah dan naratif budaya menjadi saluran untuk memberitakan bagaimana kisah Allah bersatu dengan warisan Malaysia.
- **Berkat Pertanian** - Berdoalah agar kemurahan hati Allah dicurahkan ke atas Kedah sebagai "jelapang padi" Malaysia, dengan hasil tuaian yang melimpah, amalan pertanian yang lestari, serta inovasi dalam bidang pertanian yang menzahirkan pemeliharaan Allah.
- **Saksi Kristian yang Setia** - Berdoalah agar orang Kristian di Kedah memperlihatkan kasih Kristus dengan penuh hikmat dan keberanian walaupun berdepan dengan sekatan agama yang semakin meningkat. Mohonlah perlindungan ilahi, kemurahan hati daripada pihak berkuasa, dan peluang untuk melayani masyarakat dengan cara yang mencerminkan hati Allah, sekalipun dalam suasana yang semakin mencabar.



3. MEMURIDKAN KELUARGA KRISTIAN

"Tetapi kami, iaitu aku dan keluargaku, akan beribadat kepada TUHAN!" — Yosua 24:15
AVB

- **Warisan Misi Generasi** - Berdoalah agar setiap keluarga menerima visi untuk penglibatan misi rentas generasi, membesarkan anak-anak dengan pandangan global serta mempersiapkan mereka untuk memenuhi tujuan Allah di kalangan pelbagai bangsa.
- **Pembina Jambatan Budaya** - Berdoalah agar keluarga Kristian menjadi teladan kesatuan merentasi garis etnik, membina rumah tangga yang meraikan kepelbagaian Malaysia sambil tetap berpusatkan Kristus, dengan itu memperlihatkan nilai-nilai Kerajaan Allah kepada jiran-jiran.
- **Pelayanan di Tempat Kerja** - Berdoalah agar keluarga, di mana ibu bapa menggunakan perniagaan dan kerjaya mereka sebagai medan misi, mengajar anak-anak untuk melihat segala pekerjaan sebagai peluang pelayanan demi melayani Allah dan memberkati masyarakat.
- **Penginjilan melalui Hospitaliti** - Berdoalah agar keluarga menghayati hospitaliti secara Alkitabiah, membuka rumah mereka kepada pelajar antarabangsa, pelarian, dan pekerja rentas budaya sebagai satu cara untuk memperluaskan Kerajaan Allah di seluruh dunia.

4. BELIA - GEN Z & GEN ALPHA

"Jangan biarkan sesiapa menghinamu kerana usiamu yang muda. Jadikan dirimu teladan kepada semua orang beriman dari segi kata-kata, kelakuan, kasih, iman dan kesucian." - 1 Timotius 4:12 AVB

- **Misionari Digital** - Berdoa agar golongan muda menggunakan teknologi dan media sosial untuk penginjilan global, memanfaatkan kepakaran digital mereka bagi menjangkau bangsa-bangsa yang belum mendengar melalui platform atas talian dan penciptaan kandungan yang kreatif.
- **Pelayanan Melintas Budaya** - Berdoa agar belia Malaysia memiliki kerinduan hati untuk menjangkau bangsa-bangsa yang belum terjangkau, terlibat dalam misi jangka pendek, mempelajari bahasa asing, dan mempersiapkan diri bagi pelayanan melintas budaya jangka panjang.
- **Juara Perpaduan** - Berdoa agar orang muda yang percaya memimpin dalam meruntuhkan tembok perkauman dan perbezaan etnik, membentuk komuniti Kristian yang berbilang bangsa sebagai saksi kuasa pendamaian Allah kepada generasi mereka.
- **Pemimpin di Tempt Kerja** - Berdoa agar belia mempelopori usaha perniagaan-untuk-misi, mengembangkan kemahiran keusahawanan dengan pemikiran berteraskan Kerajaan Allah, sehingga mendirikan perusahaan yang menghormati Allah di kawasan yang belum dijangkau.

5. KRISTIAN DI TEMPAT KERJA

“Oleh itu, saudara-saudaraku, aku menyeru kepadamu, demi belas kasihan Allah, supaya mempersembahkan tubuh badanmu sebagai korban yang hidup, yang suci dan diterima oleh Allah; itulah ibadat yang wajar.” - Roma 12:1 AVB

- **Perniagaan sebagai Platform Misi** - Berdoa agar orang Kristian di Malaysia yang terlibat dalam perniagaan melihat syarikat mereka sebagai ladang misi, mencipta peluang yang tulen untuk memberitakan Injil melalui perkhidmatan yang cemerlang, amalan yang beretika, serta keprihatinan yang ikhlas terhadap pekerja dan pelanggan.
- **Transformasi di Tempat Kerja** - Berdoa agar orang percaya memaparkan nilai-nilai Kerajaan Allah ke dalam tempat kerja mereka, mempromosikan integriti, keadilan, dan belas kasihan sambil membina hubungan yang menebuskan, yang memperlihatkan kasih Kristus secara praktikal.
- **Kecemerlangan Profesional dan Kesaksian** - Berdoa agar orang Kristian berjaya dalam kerjaya dan perniagaan mereka, bukan demi keuntungan peribadi tetapi sebagai kesaksian kepada keagungan Allah, sehingga memperoleh penghormatan dan pengaruh yang membuka pintu bagi perbualan tentang Injil.
- **Rangkaian Doa di Tempat Kerja** - Berdoa untuk penubuhan kumpulan doa dan rangkaian persekutuan dalam kalangan profesional perniagaan Kristian, yang menyediakan pertanggungjawaban, dorongan, dan doa syafaat strategik bagi cabaran serta peluang di tempat kerja.

6. KEPIMPINAN KRISTIAN

"Tetapi kamu akan menerima kuasa apabila Roh Kudus datang ke atasmu; dan kamu akan menjadi saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea dan Samaria, bahkan sampai ke hujung bumi." - KPR 1:8 AVB

- **Perkongsian Visi Global** - Berdoa agar para pastor dan pemimpin menerima serta menyampaikan isi hati Allah bagi bangsa-bangsa yang masih belum terjangkau, dan menggerakkan jemaat mereka untuk berdoa, memberi, pergi, dan mengutus dalam misi global serta lintas budaya.
- **Agen Kesatuan** - Berdoa agar para pemimpin gereja menjadi teladan dan pendorong kesatuan merentasi denominasi dan garis etnik, membentuk rangkaian kerjasama yang memperkukuhkan kesaksian Kristian di Malaysia.
- **Kebajikan Misionari** - Berdoa agar pemimpin membangunkan sistem untuk mengutus, menyokong, dan menjaga para misionari daripada jemaat mereka, sambil mengekalkan hubungan seumur hidup dengan mereka yang sedang melayani di luar negara.
- **Perhubungan Strategik** - Doakan hikmat untuk membentuk kerjasama dengan organisasi misi antarabangsa, institusi teologi, dan pelayanan di tempat kerja supaya kesan Kerajaan Allah dari Malaysia dapat dilipatgandakan ke seluruh dunia.

7. PENDIDIKAN

"Orang yang betul bendul mempercayai segala-galanya, tetapi orang bijaksana mempertimbangkan gerak langkahnya. Orang bijaksana berwaspada dan menghindari kejahatan, tetapi orang bodoh bongkak dan ceroboh." — Amsal 14:15-16 AVB

- **Penghapusan Rasuah dan Ketelusan** - Doakan segala bentuk rasuah dalam pengurusan sekolah, proses tender, sistem peperiksaan, dan pelantikan pentadbiran didedahkan dan dihapuskan sepenuhnya. Doakan para pemimpin yang berintegriti akan bangkit, mengutamakan kecemerlangan pendidikan lebih daripada kepentingan peribadi, dan membina sistem akauntabiliti yang telus.
- **Suasana Pembelajaran yang Selamat & Anti-Buli** - Berdoa untuk penghapusan budaya buli di sekolah-sekolah Malaysia, termasuk buli siber. Doakan kewujudan dasar anti-buli yang menyeluruh, kaunselor yang terlatih, serta transformasi budaya sekolah supaya setiap murid berasa selamat, dihargai, dan dilindungi. Doakan juga kesembuhan bagi mangsa dan penebusan bagi pelaku buli.
- **Pendidik Kristian sebagai Garam dan Terang** - Berdoa agar lebih ramai orang Kristian yang berkecemerlangan dipanggil masuk ke bidang perguruan sekolah awam walaupun dasar dan suasana pendidikan sentiasa berubah. Doakan perlindungan, kemurahan, dan hikmat ilahi bagi guru-guru Kristian untuk melayani dengan cemerlang sambil menjadi saksi yang benar dalam persekitaran sekolah yang berbilang budaya.
- **Integriti Guru dan Kecemerlangan Profesional** - Berdoa agar para pendidik menunjukkan kejujuran, menolak penglibatan dalam amalan rasuah seperti penjualan kertas soalan atau penerimaan rasuah untuk markah, dan meneladani watak seperti Kristus yang memberi inspirasi kepada pelajar untuk menjadi pemimpin beretika dalam kerjaya dan perniagaan masa depan mereka.

8. FOKUS KHAS: MEMULIAKAN NAMA ALLAH DI SELURUH MALAYSIA

"Sungguh, dari terbitnya matahari sampai terbenamnya, nama-Ku besar di antara bangsa-bangsa. Di setiap tempat dipersembahkan dupa bagi nama-Ku dan juga persembahan yang tahir, kerana nama-Ku besar di antara bangsa-bangsa," demikianlah firman TUHAN alam semesta." - Maleakhi 1:11 AVB

- **Persembahan yang Murni daripada Gereja-gereja Malaysia** - Berdoa agar orang percaya di Malaysia memberi "persembahan yang murni" dalam penyembahan, doa, dan pelayanan yang naik bagaikan dupa di hadapan takhta Allah. Mohon agar gereja-gereja di seluruh negara memelihara kemurnian rohani dan kesetiaan yang ikhlas, yang memuliakan nama Allah di hadapan dunia yang sedang memerhati.
- **Impak Nasional Dari Timur ke Barat** - Berdoa agar nama Allah ditinggikan dari Sabah hingga ke Perlis, sehingga setiap negeri mengalami kemuliaan dan kehadiran-Nya. Doakan terobosan dan berkat yang berterusan, menggenapi visi "dari terbitnya matahari hingga terbenamnya" bagi bangsa ini.
- **Kesaksian Global Malaysia** - Berdoa agar Malaysia menjadi suar di tengah bangsa-bangsa, memperlihatkan bagaimana pelbagai kaum dapat hidup dalam keharmonian di bawah kedaulatan Allah. Mohon agar kesaksian berbilang etnik dan budaya negara ini menjadikan nama Allah besar di peringkat antarabangsa melalui kesatuan, kemakmuran, dan kebenaran.
- **Pasaran & Misi yang Berganda** - Berdoa agar orang Kristian Malaysia melayani dengan cemerlang dan penuh integriti sehingga nama Allah dimuliakan di tengah bangsa-bangsa. Doakan peningkatan supranatural dalam pengutusan misi melintas budaya, sehingga orang percaya Malaysia membawa nama-Nya dengan berani kepada bangsa-bangsa yang belum dijangkau.

9. FOKUS KHAS: KRISIS KEMUFLISAN DI KALANGAN BELIA DAN PENJAWAT AWAM

"Seseorang tidak mungkin mengabdikan diri kepada dua orang tuan. Dia akan membenci yang seorang dan mengasihi yang lain; atau akan setia kepada yang seorang dan mencela yang lain. Demikianlah, kamu tidak dapat menjadi hamba Allah dan juga hamba kekayaan." - Matius 6:24 AVB

- **Campur Tangan Ilahi dalam Krisis:** Kami berseru kepada-Mu bagi 877 kes kemuflihan belia pada tahun 2024 dan lebih daripada 5,000 sejak tahun 2020, termasuk 14% daripada semua pemfailan kemuflihan melibatkan penjawat awam — dengan 60 orang muda berumur antara 18–35 tahun diisytiharkan muflis setiap hari di Malaysia. Berdoa agar belenggu perhambaan kewangan diputuskan dan berkat ilahi serta pelepasan hutang berlaku.
- **Transformasi Tingkah Laku Kewangan:** Kurniakan hikmat kepada mereka yang hidup melebihi kemampuan, termasuk penjawat awam yang membeli kereta bernilai 20 kali gaji mereka di mana 50% daripada kes kemuflihan berpunca daripada pinjaman peribadi. Doakan perubahan budaya perbelanjaan dan perlindungan kepada golongan muda daripada skim "beli sekarang, bayar kemudian" (BNPL) serta pinjaman yang memerangkap mereka yang senang terkesan.
- **Perubahan Sistemik dan Perlindungan:** Doakan pembaharuan dasar dan perubahan ambang hutang. Lindungi 170,000 penjawat awam (11%) yang terdedah kepada skim pinjaman penipuan bernilai RM340 juta. Berkati program kecekapan kewangan dan integrasinya dalam kurikulum sekolah.
- **Pemulihan dan Harapan:** Pulihkan kedudukan Malaysia sebagai negara dengan hutang peribadi tertinggi di Asia — 88% daripada KDNK. Doakan pemulihan keluarga yang hancur akibat tekanan kewangan, penyediaan laluan pemulihan mampan bagi mereka yang telah muflis, dan agar lahir satu generasi yang mengutamakan pengurusan kewangan berhemah berbandingkan pemilikan material. Doakan agar rantai hutang ini dipatahkan dan budaya kewangan Malaysia berubah secara menyeluruh.

10. KEBEBASAN BADAN KEHAKIMAN

"Jangan berlaku tidak adil dalam pengadilan, usah bersikap berat kepada orang miskin dan usah lebih menghormati kalangan yang besar dan berkuasa, melainkan mengadili sesama manusia secara benar." — Imamat 19:15 AVB

- **Perlindungan daripada Campur Tangan Politik** - Berdoa agar para hakim di Malaysia dilindungi daripada tekanan politik, ancaman, atau sogokan yang boleh mempengaruhi keputusan mereka. Doakan para hakim menerima keberanian lahi untuk menegakkan kedaulatan undang-undang tanpa mengambil kira akibat politik atau risiko terhadap kerjaya mereka.
- **Integriti Kewangan dan Anti-Rasuah** - Doakan para hakim dan pegawai mahkamah menolak segala bentuk rasuah, hadiah, atau insentif kewangan yang boleh mempengaruhi hasil sesuatu kes. Doakan agar proses pelantikan kehakiman dijalankan dengan telus dan sistem ganjaran yang mencukupi disediakan, untuk mengurangkan godaan kewangan sambil menarik calon yang berkelayakan dan beretika.
- **Kuasa Perlembagaan dan Preseden Undang-undang** - Doakan badan kehakiman membuat keputusan hanya berdasarkan undang-undang perlembagaan, preseden undang-undang, dan bukti yang dikemukakan, dan bukannya dipengaruhi oleh pendapat umum, tekanan media, atau lobi dari luar. Doakan hikmat diberikan untuk mentafsir undang-undang dengan adil dan konsisten.
- **Keadilan Sama Rata untuk Semua Warganegara** - Berdoa agar setiap individu diberi layanan yang saksama tanpa mengira kekayaan, hubungan politik, kaum, atau agama. Doakan mahkamah di Malaysia menjadi tempat di mana golongan miskin menerima keadilan setara dengan golongan berkuasa, dan pertikaian perniagaan diselesaikan dengan adil tanpa menunjukkan pilih kasih.

11. ISU-ISU SEMASA

“Pertama-tama aku menyeru supaya permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dinaikkan untuk semua manusia — untuk raja-raja dan semua yang memegang kuasa, supaya kita hidup aman tenteram, salih dan penuh hormat.” - 1 Timotius 2:1-2 AVB

- **Kebijaksanaan Pelaksanaan Pasca-Parlimen** - Berdoalah agar keputusan yang telah dibuat dalam sidang parlimen baru-baru ini, khususnya Rancangan Malaysia Ke-13, dapat dilaksanakan dengan berkesan. Doakan pimpinan ilahi supaya setiap dasar yang digubal dapat menjadi tindakan nyata, dengan para pemimpin mengutamakan kebajikan negara dalam setiap langkah pelaksanaan.
- **Krisis Penghijrahan Bakat dari Malaysia** - Tekun beroa akan peningkatan kadar penghijrahan bakat, di mana penolakan kewarganegaraan melonjak kepada 6,060 orang menjelang Jun 2025, dan kebanyakannya memilih Singapura. Dengan jumlah keseluruhan 98,318 penolakan sejak 2015, berdoalah agar para pemimpin diberi hikmat ilahi untuk mewujudkan sebab-sebab yang kukuh bagi mengekalkan bakat tempatan melalui tadbir urus yang lebih baik, peluang ekonomi yang mampan, dan keharmonian sosial yang sejati.
- **Jawatan yang Berpengaruh dan Berkuasa** - Berdoalah untuk Agong, Sultan-sultan, Perdana Menteri dan kabinetnya, Ahli Parlimen, Gabenor dan Ketua Menteri, pemimpin perkhidmatan awam dan pembuat dasar, serta mereka yang mengendalikan hubungan antarabangsa dan negeri – berdoalah agar mereka diberikan kerendahan hati, pengorbanan dan kebijaksanaan dalam pemerintahan di semua jawatan berpengaruh ini.
- **Kestabilan Kerajaan, Akauntabiliti & Kerosakan Akhlak** - Doakan kebenaran akan ditegakkan dalam segala hal kerosakan akhlak dan pentadbiran. Doa secara khusus pengendalian kes-kes rasuah yang berprofil tinggi, agar keadilan ditegakkan tanpa berkompromi mahupun campur tangan politik.
- **Perubahan Situasi & Pakatan Politik**: Doakan agar rancangan ahli politik yang mementingkan diri sendiri akan dihalang, dan mereka yang benar-benar ingin mengutamakan rakyat akan diangkat. Doakan hikmat untuk mengendalikan isu-isu sensitif yang mungkin mengasingkan masyarakat, serta para pemimpin yang membina jambatan persahabatan dan bukan tembok yang mengasingkan.

12. FOKUS ASIA & GLOBAL

“Diberkatilah mereka yang mendamaikan manusia, kerana mereka akan dipanggil anak-anak Allah.” — Matius 5:9 AVB

- **Shalom merentasi Timur Tengah:** Doakan kedamaian ilahi akan meliputi seluruh Timur Tengah, terutamanya di Israel-Palestin, Syria, Lubnan, Turki, Iran, Yemen, dan zon-zon konflik yang lain, di mana ramai telah menderita untuk berabad-abad. Doakan hikmat dan keberanian di kalangan pemimpin-pemimpin politik untuk mencari jalan penyelesaian yang adil, untuk melindungi rakyat biasa yang tidak bersalah, dan Gereja di rantau tersebut untuk menjadi perintis perdamaian. Doakan Putera Damai akan menghancurkan kitaran membalas dendam dan kebencian, membuka hati orang untuk saling mengampuni.
- **Penyelesaian Konflik Ukraine-Rusia:** Berdoa untuk terobosan dalam usaha diplomatik bagi menamatkan peperangan yang berlarutan antara Ukraine dan Rusia, yang terus menghancurkan kedua-dua negara. Doakan perlindungan bagi orang awam, kelancaran akses bantuan kemanusiaan, serta campur tangan ilahi untuk melembutkan hati agar terbuka kepada rundingan. Doakan juga usaha pemulihan semula dan penyembuhan trauma di kalangan komuniti yang terjejas, sementara korban manusia terus meningkat.
- **Kestabilan Asia Tenggara** - Doakan kerjasama ASEAN dan penyelesaian damai bagi konflik serantau, termasuk perang saudara yang berterusan di Myanmar serta ketegangan sempadan terkini yang telah menyebabkan ribuan orang kehilangan tempat tinggal. Doakan agar peranan kepimpinan Malaysia dalam diplomasi serantau diberkati dengan hikmat dan keberhasilan, membawa kestabilan yang lebih luas serta mencegah krisis kemanusiaan yang lebih parah di seluruh Asia Tenggara.



MENYERAH DIRI KEPADA KEHENDAK BAPA KITA SAMBIL MENYATAKAN DATANGLAH KERAJAAN-MU

DOA BAPA KAMI

Ya Bapa kami yang di syurga,
sucilah nama-Mu.

Datanglah kerajaan-Mu.

Terlaksanalah kehendak-Mu
di bumi sebagaimana di syurga.

Berilah kami makanan untuk hari ini.

Ampunkanlah kesalahan kami
sebagaimana kami mengampuni mereka yang
bersalah terhadap kami.

Janganlah biarkan kami tergoda,
tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat.
Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan
dan kemuliaan selama-lamanya. **AMIN.**

Matius 6:9-13 AVB



BERDIAM

BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

“Diamlah, dan ketahuilah Aku Allah; Aku akan dimuliakan dalam kalangan bangsa-bangsa, Aku akan dimuliakan di bumi ini.”


- Mazmur 46:10 AVB

DIARI DOA & LAMPIRAN

PANDUAN UNTUK MUAT TURUN PELBAGAI SUMBER DAN MENDAFTARKAN PENGLIBATAN ANDA

1. Pendaftaran 24-7 Pantauan Doa untuk Tahun Doa Malaysia 2025

Sila isikan borang ini untuk mendaftarkan waktu pantauan doa yang sesuai untuk melibatkan diri dalam berdoa untuk bangsa. Sila daftarkan bilik doa anda di sini juga supaya kita dapat senaraikan anda di dalam direktori bilik doa. Klik pautan ini untuk pendaftaran: <https://shorturl.at/W0WAp> atau imbas kod QR.



2. Berhenti untuk Memuji Doa Bapa Kami dan Doa Tengah Hari Jumaat

Sila isikan borang ini untuk melibatkan diri di dalam Berhenti untuk Memuji. Klik pautan ini untuk pendaftaran: <https://shorturl.at/1dNaS> atau imbaskan kod QR.



3. Sumber Tahun Doa Malaysia 2025

Untuk muat turun sumber-sumber MYOP 2025, sila klik pautan ini <https://shorturl.at/Vbce8> atau imbas kod QR.



BAGAIMANA MENGGUNAKAN PANDUAN DOA MINGGUAN INI

Panduan Doa Mingguan untuk Malaysia ini menyepadukan tema-tema bulanan dengan fokus pada negeri, hal-ehwal kebangsaan, dan konteks rantau Asia, menjadi satu rangka komprehensif untuk doa berterusan dan strategik sepanjang **Tahun Doa Malaysia 2025**.

1. Ikuti tema-tema dan fokus bulanan
2. Gunakan cadangan rangka doa harian dan Panduan Doa Mingguan
3. Melibatkan diri di dalam cadangan inisiatif doa
4. Berhubung dengan jaringan doa serantau
5. Melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti doa komuniti
6. Kumpulkan beberapa orang lain untuk berdoa - di gereja, komsel, kampus, dan sekolah!
7. Mulakan doa 24-7 di gereka dan komuniti anda

Cadangan Kumpulan Doa Bulanan

- Membentuk kumpulan kecil yang berfokus akan tema bulanan
- Kongsikan kesaksian untuk doa yang dijawab
- Membaca Firman Tuhan dan menyembah Dia
- Doa khusus untuk negeri tertentu
- Jangan lupa perkembangan terbaru serantau dan hal-ehwal sedunia yang penting



MENCARI RITMA DOA HARIAN ANDA

Doa bukan sahaja sesuatu hal yang harus dilakukan mahupun tugas rohani untuk sejam—ia melibatkan pupukan perhubungan sejati yang ikhlas dan bertumbuh dengan Yesus setiap hari. Cuba fikirkan doa sebagai denyutan jantung yang memberi kehidupan dan makna kepada setiap hari.

Mari mulakan ritma harian tahun ini, di mana setiap pagi bermula dengan Firman Tuhan dan penyembahan, setiap tengah hari menjadi peluang untuk menyelarikan hati kita dengan Allah, dan setiap petang mengalami kedamaian di dalam hadirat-Nya.

- **Aplikasi Lectio 365:** Aplikasi cantik yang menjadi teman doa harian anda. Aplikasi ini membantu anda berhenti sejenak, bernafas, dan berhubung dengan Yesus melalui bacaan harian tetap dan renungan. Muat turun Lectio 365 di sini: ow.ly/XMRO50UvW9b
- **Membentuk Rangka Harian:** Bentukkan rangka harian berdasarkan struktur doa yang fleksibel, sesuai dengan jadual dan keperluan rohani anda, menolong anda memupuk waktu yang intim dan konsisten dengan Yesus sepanjang hari.

Mulakan tahun baru dengan hubungan harian bersama Yesus




Imbas untuk App



Lectio 365

Berdoalah dengan Alkitab setiap hari



CADANGAN UNTUK MENUBUHKAN RITMA DOA HARIAN

Berikut adalah beberapa idea untuk anda membentuk ritma doa harian anda.

1. BERHENTI UNTUK MEMUJI 7X SEHARI

"Tujuh kali sehari aku memuji-Mu kerana hukum-hukum-Mu yang benar." - Mazmur 119:164 AVB

Pujian memuliakan Allah. Semakin kita sibuk, semakin banyak kita memerlukan Allah. Semakin banyak kita perlu berhenti untuk berdoa dan memuji. Ini adalah amalan untuk membantu kita bersukacita selalu, berdoa tanpa henti, dan mengucap syukur dalam segala keadaan.

Semoga ini membantu mengubah rutin harian kita supaya lebih dekat kepada Allah dan memuliakan-Nya, membawa hadirat Allah ke dalam situasi harian kita, serta membina ritma doa yang semula jadi seperti bernafas yang akan membawa damai dan menjaga hati serta fikiran kita dalam Kristus Yesus.

2. BERHENTI UNTUK BERDOA 3X SEHARI

"Apabila Daniel mengetahui bahawa surat itu telah ditandatangani, masuklah dia ke rumahnya. Dalam bilik atasnya terdapat jendela-jendela yang terbuka menghadap Yerusalem. Tiga kali sehari dia bertelut, berdoa, dan mengucap syukur kepada Allahnya, seperti yang biasa dilakukannya selama ini." - Daniel 6:10 AVB

- **Doa Pagi (6 AM - 9 AM)** Meditasi Firman Tuhan, pujian & penyembahan, doa syafaat untuk keluarga, tempat kerja, dan keperluan peribadi
- **Doa Tengah Hari (12 PM - 3 PM)** Doa Bapa Kami, berdoa untuk Kerajaan-Nya datang dalam bidang-bidang tertentu seperti komuniti, negara, dan tempat kerja
- **Doa Petang (6 PM - 9 PM)** Ucapan syukur dan renungan, waktu doa keluarga, persekutuan doa komuniti, berdoa untuk gereja dan negara-negara Asia




BERHENTI UNTUK MEMUJI

Sertai kita pada 12 tengah hari ini di mana kita bersatu dalam doa untuk seketika, dan doakan Doa Bapa Kami. Tidak kira di mana juga anda berada, di tempat kerja, di rumah, ataupun di luar, mari kita ambil peluang ini untuk menyelaraskan hati kita dengan hati Allah - untuk memuji nama-Nya, mengalu-alukan kerajaan-Nya, dan melaksanakan kehendak-Nya!

*"Ya Bapa kami yang di syurga,
sucilah nama-Mu.
Datanglah kerajaan-Mu.
Terlaksanalah kehendak-Mu
di bumi sebagaimana di syurga.
Berilah kami makanan untuk hari ini.
Ampunkanlah kesalahan kami
sebagaimana kami mengampuni
mereka yang bersalah terhadap kami.
Janganlah biarkan kami tergoda,
tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat.
Engkaulah yang empunya kerajaan,
kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. AMIN."*

Tetapkan penggera setiap hari (di dalam telefon bimbit anda!) untuk melakukan perkara yang bermakna ini bersama-sama. Walaupun kita berjauhan secara fizikal, tetapi kita bersatu di dalam roh sewaktu kita doakan Doa Bapa Kami. Klik pautan untuk mendaftarkan diri: <https://forms.gle/b4srmX6RZbjZ5FTx5> atau imbasan kod QR.



Imbas untuk
mendaftar



DOA TENGAH HARI JUMAAT

Sertai persekutuan doa mingguan maya kita setiap hari Jumaat dari jam 12 tengah hari hingga 1 petang, yang memberi tumpuan kepada rakan-rakan dan jiran kita di seluruh Asia Tenggara, Timur Tengah, Afrika, dan kawasan lain. Kita akan meluangkan masa sejam untuk mendoakan komuniti yang mungkin belum mengetahui betapa dalamnya kasih Bapa dan menemui kebenaran Penyelamat kita, Yesus Kristus.

Apa yang anda boleh jangkakan:

- Panduan tema doa setiap minggu
- Fokus pada Injil untuk mereka yang paling kurang dijangkau
- Doa untuk keamanan dan kebangkitan rohani
- Persekutuan komuniti dengan matlamat yang bersatu

Ini adalah ruang yang selamat, khas untuk menunjukkan kasih melalui doa syafaat untuk semua bangsa, terutama bagi saudara seiman daripada latar belakang budaya yang berbeza. Bersama-sama, kita akan memohon hikmat ilahi, pengertian, dan pertemuan yang mengubahkan hidup melalui **Mukjizat** (pertemuan supranatural), **Gerakan** (kebangkitan komuniti), dan **Mesej** (bertemu dengan kebenaran).

Klik pautan ini untuk mendaftar diri:
<https://forms.gle/b4srmX6RZbjZ5FTx5>

Atau imbasakan kod QR



KALENDAR LATIHAN, ACARA, DAN MUSIM DOA

PERSEKUTUAN & KONFERENSI

Bandar	Tempat	Acara	Tarikh
Kuching	TMC Kuching	Persekutuan Doa Wira (kali pertama)	10-11 Okt 2025
Kuala Lumpur	HTBB	Asia Gathering	13-15 Nov 2025

MUSIM-MUSIM DOA

Acara	Tarikh
Minggu Doa Sedunia	1-7 Sep 2025
Hari Doa Malaysia	16 Sep 2025

MENABUR BENIH & PEMBERIAN KASIH


Rakan-rakan dan Para Pendoa yang dikasihi,

Sewaktu kita meraikan musim yang penuh sukacita dan kesyukuran, kami amat terharu dengan kesudian anda untuk menyokong pelayanan 24-7 Prayer Asia. Sumbangan anda yang murah hati, sama ada melalui pemberian Krismas, Angpau, atau pemberian kasih, adalah seperti benih berharga yang menyokong misi kami untuk membangunkan doa yang berterusan di seluruh Asia.

Pelayanan kami sebahagian besarnya melibatkan sukarelawan yang berdedikasi, yang memberikan masa dan hati mereka untuk visi ini. Setiap sumbangan yang anda taburkan ke dalam pelayanan ini membantu kami:

- Menubuhkan dan menyokong bilik doa merentasi komuniti-komuniti Asia
- Melatih dan memperlengkapi pemimpin doa serta memuridkan pengikut Kristus yang tekun berdoa
- Mengembangkan pusat penterjemahan untuk menjangkau lebih banyak Bahasa lain
- Menghasilkan sumber audio-visual dalam bahasa tempatan
- Menghubungkan pendoa syafaat di seluruh rantau ini
- Menganjurkan perhimpunan doa dan bengkel
- Menyokong rangkaian sukarelawan kami
- Mengukuhkan asas gerakan doa 24-7 di seluruh Asia

Kerjasama anda melalui pemberian membolehkan kami terus membina jambatan doa yang merentasi budaya, bahasa, dan bangsa. Setiap sumbangan, tidak kira jumlahnya, memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan memperluaskan wawasan kami untuk melihat komuniti-komuniti diubah melalui doa yang berterusan.



Untuk membuat pemberian anda, sila ikuti pilihan pemberian yang selamat ini: Masukkan kaedah dan butiran pemberian tertentu [di sini](https://shorturl.at/8HFTE) atau klik pautan ini <https://shorturl.at/8HFTE> atau imbas kod QR DuitNow ini.



LATARBELAKANG & INFORMASI

Panduan doa ini dilahirkan sebagai teman apabila sekatan pandemik bermula pada 18 Mac 2020. Hari ini, panduan doa ini telah digunakan secara individu, keluarga, dan gereja juga, untuk menggalakkan dan memberkati supaya kita terus berdoa agar kerajaan Allah datang dan kehendak Allah dilaksanakan pada saat-saat yang tidak tertentu ini. Sejak tahun 2022, kami telah memulakan format baharu ini yang kami harap akan membolehkan gereja menggunakan sumber ini di persekutuan doa dan ibadahraya.

Panduan Doa yang Boleh Disesuaikan

© **2024 24-7 Prayer Asia**
Anda boleh menyesuaikan panduan doa ini untuk kegunaan anda sendiri, tetapi jangan menirunya bulat-bulat dan menerbitkannya. Hubungilah admin@24-7prayerasia.com jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

Untuk Melanggan atau Berhubung dengan Kami

Jika anda ingin melanggan panduan doa mingguan ini atau jika anda mempunyai sebarang kesaksian atau perkongsian, sila hubungi admin@24-7prayerasia.com

CONTACT US

